



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
ARAS 12, MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA SELANGOR
TEL: 03-83138888 FAKS: 03-83137853**

Ruj. Kami : LHDN.AL.C.600-8/19/1
Tarikh : **25 Jun 2021**

Pengarah Eksekutif
Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM)
B-13-1, Megan Avenue II
No. 12 Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
(u.p: Mohd Noor B. Abu Bakar)

Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Institute of Accountants (MIA)
Dewan Akauntan
Unit 33-01, Level 33, Tower A
The Vertical, Avenue 3, Bangsar South City
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

Ketua Pegawai Eksekutif
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
No. 15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Tuan,

**KELONGGARAN URUSAN PERCUAIAN DALAM TEMPOH PELAKSANAAN
SEKATAN PERGERAKAN PENUH (*TOTAL LOCKDOWN*)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menerima surat permohonan daripada pihak tuan berkaitan kelonggaran dalam urusan percuaian disebabkan lanjutan tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan penuh yang telah diumumkan oleh Kerajaan sehingga 28 Jun 2021.

-2-

3. Sehubungan dengan itu, maklum balas LHDNM berkaitan permohonan yang dikemukakan adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah

(DATO' ADEMAN BIN CHE SEMAIL)
Pengarai
Jabatan Operasi Cukai
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN MAKLUM BALAS LHDNM

Bil.	Perkara	Maklum Balas LHDNM
1.	Pengemukaan borang nyata di bawah seksyen 77A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) bagi pembayar cukai yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir Oktober 2020 hingga Disember 2020 dan Januari 2021.	<p>Tambahan masa dua (2) bulan dari tarikh akhir pengemukaan borang nyata diberikan kepada Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Unit Amanah / Amanah Harta Tanah, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta dan Amanah Perniagaan melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Borang nyata bagi tahun taksiran 2020 yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. ▪ Borang nyata bagi tahun taksiran 2021 yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir pada 31 Januari 2021. <p>Tambahan masa ini juga terpakai bagi bayaran baki cukai untuk tahun taksiran yang sama.</p>
2.	Pengemukaan borang nyata di bawah seksyen 77 ACP 1967 bagi tahun taksiran 2020 melibatkan pembayar cukai yang menjalankan perniagaan.	<p>Tambahan masa dua (2) bulan diberikan sehingga 31 Ogos 2021 untuk pengemukaan borang nyata bagi tahun taksiran 2020 melibatkan Individu, Perkongsian, Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran), Individu Bukan Pemastautin, Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan), Pertubuhan, Harta Pusaka dan Keluarga Sekutu Hindu yang menjalankan perniagaan.</p> <p>Tambahan masa ini juga terpakai bagi bayaran baki cukai untuk tahun taksiran yang sama.</p>
3.	Pengemukaan borang nyata di bawah ACP 1967 bagi tahun taksiran 2019 dan 2020 melibatkan entiti Labuan yang menjalankan perniagaan selain aktiviti perdagangan (<i>other trading activities</i>).	Lanjutan masa pengemukaan borang nyata di bawah ACP 1967 bagi tahun taksiran 2019 dan 2020 (untuk tempoh perakaunan berakhir Januari 2020 hingga Oktober 2020) melibatkan entiti Labuan yang menjalankan perniagaan selain aktiviti perdagangan (<i>other trading activities</i>) telah diberikan sehingga 30 Jun 2021.

		Walau bagaimanapun, entiti Labuan berkaitan yang terjejas dan tidak dapat mengemukakan borang nyata dalam tempoh lanjutan masa yang telah diberikan sebelum ini boleh mengemukakan permohonan tambahan lanjutan masa ke Cawangan Labuan.
4.	Pengemukaan borang pemilihan oleh suatu entiti Labuan yang tidak boleh dibatalkan di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (ACAPL 1990) iaitu Borang LE3 melibatkan entiti Labuan yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir pada Mac 2021 di mana tarikh akhir pengemukaan adalah pada 30 Jun 2021.	Tambahan masa diberikan sehingga 31 Julai 2021 untuk pengemukaan Borang LE3 bagi tahun taksiran 2022 melibatkan entiti Labuan yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Mac 2021.
5.	Pengemukaan penyata keuntungan di bawah seksyen 5 dan subseksyen 2B(1A) ACAPL 1990 (Borang LE1), Akuan berkanun di bawah seksyen 5 ACAPL 1990 (Borang LE4) atau Akuan berkanun di bawah seksyen 10 ACAPL 1990 (Borang LE5) melibatkan entiti Labuan yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir pada Mac 2021.	Tambahan masa diberikan sehingga 31 Ogos 2021 untuk pengemukaan Borang LE1, LE4 dan LE5 bagi Tahun Taksiran 2021 seperti mana yang dinyatakan dalam surat Pengarah Cawangan Labuan kepada Pengerusi Association Of Labuan Trust Companies (ALTC) bertarikh 11 Mac 2021.

6.	<p>Pengemukaan borang nyata petroleum (Borang CPP dan Borang CPE) di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 bagi pembayar cukai yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir Oktober 2020 hingga Disember 2020 dan Januari 2021.</p>	<p>Tambahan masa dua (2) bulan dari tarikh akhir pengemukaan Borang CPP dan Borang CPE diberikan kepada pembayar cukai melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Borang nyata bagi Tahun Taksiran 2020 yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020. ▪ Borang nyata bagi Tahun Taksiran 2021 yang mempunyai tempoh perakaunan berakhir pada 31 Januari 2021. <p>Tambahan masa ini juga terpakai bagi bayaran baki cukai untuk tahun taksiran yang sama.</p>
7.	<p>Bayaran cukai pegangan kepada LHDNM di mana tarikh akhir bayaran jatuh dalam tempoh sekatan pergerakan penuh (1 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021).</p>	<p>Tiada lanjutan masa yang diberikan. Bayaran cukai pegangan boleh dilakukan melalui pindahan telegrafik dengan mengemukakan maklumat lengkap bayaran kepada LHDNM melalui faksimili ke nombor 03-62019637 atau e-mel kepada HelpTTpayment@hasil.gov.my.</p>
8.	<p>Permohonan penyeteman surat cara di mana tarikh akhir penyeteman jatuh dalam tempoh sekatan pergerakan penuh (1 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021).</p>	<p>Lanjutan masa 30 hari diberikan dari tarikh akhir pengemukaan permohonan penyeteman atau bayaran bagi surat cara yang tarikh akhir penyeteman jatuh pada 1 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021.</p> <p>Bagi kes selain kategori di atas, pertimbangan adalah berdasarkan merit kes.</p>
9.	<p>Penangguhan bayaran ansuran anggaran cukai (CP204) bagi bulan April 2021 hingga Disember 2021.</p>	<p>Pembayar cukai yang terjejas perniagaannya boleh mengemukakan permohonan rayuan penangguhan bayaran ansuran anggaran cukai (CP204) kepada LHDNM dengan mengemukakan dokumen sokongan. Permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan merit kes.</p> <p>Permohonan rayuan bersama dokumen sokongan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada cp204pemeriksa@hasil.gov.my.</p>

10.	Pengemukaan Borang CP204, Borang CP204A dan Borang CP502 di mana tarikh akhir jatuh dalam bulan Jun 2021.	Lanjutan masa diberikan sehingga 31 Julai 2021 seperti dinyatakan dalam FAQ (PKP) 3.0 yang dikemas kini pada 15 Jun 2021.
11.	Penangguhan bayaran ansuran anggaran cukai (CP500) bagi bulan Mei, Julai, September dan November 2021.	Pembayar cukai yang terjejas perniagaannya boleh mengemukakan permohonan rayuan penangguhan bayaran ansuran anggaran cukai (CP500) kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail berserta dokumen sokongan. Pertimbangan adalah berdasarkan merit kes.
12.	Pindaan anggaran cukai (CP204) pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun 2021.	Pindaan anggaran cukai (CP204) pada bulan ke-3 ansuran adalah merupakan kebenaran khas oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 sahaja. Bagi tempoh PKP 3.0, tidak ada kebenaran untuk pembayar cukai membuat pindaan anggaran pada bulan ke-3 ansuran. Pembayar cukai hendaklah mengemukakan pindaan CP204 berkenaan pada bulan ke-6 / ke-9 bagi tempoh asas perniagaan melalui e-CP204A.

13.	<p>Bayaran kompaun atau penalti bagi pembayar cukai yang gagal atau tidak layak dalam permohonan penangguhan pembayaran penalti dan kenaikan ke tahun 2022 di bawah PEMERKASA+.</p>	<p>Bayaran kompaun atau penalti yang jatuh dalam tempoh 1 Jun 2021 hingga 28 Jun 2021 diberikan tambahan masa pembayaran selama 30 hari dari tarikh akhir asal bayaran.</p>
14.	<p>Kes audit / siasatan:</p> <p>(a) Penangguhan bayaran ansuran cukai ke atas taksiran tambahan yang dibangkitkan.</p> <p>(b) Tidak membangkitkan taksiran tambahan ke atas isu teknikal percukaian.</p>	<p>1. Kes audit:</p> <p>(a) Permohonan untuk penjadualan semula bayaran ansuran cukai atau menangguhkan bayaran penalti ke tahun 2022 boleh di buat di cawangan LHDNM yang berkenaan dengan mengemukakan dokumen sokongan bagi membuktikan aliran tunai pembayar cukai. Permohonan boleh di buat oleh mana-mana pembayar cukai yang terjejas dengan pandemik Covid-19 tanpa perlu merujuk kepada industri yang dibenarkan / tidak dibenarkan beroperasi semasa PKP. Pertimbangan permohonan adalah berdasarkan kepada merit setiap kes.</p> <p>(b) LHDNM akan membangkitkan taksiran berdasarkan penemuan audit yang diperoleh. Surat Pemberitahuan Penemuan Semakan Kes akan dikeluarkan terlebih dahulu kepada pembayar cukai sebelum taksiran dibangkitkan. Pembayar cukai perlu mengemukakan maklumbalas dalam tempoh 18 hari kalender dari tarikh Surat Penemuan Semakan Kes. Walau bagaimanapun, dalam tempoh PKP, pembayar cukai boleh memohon lanjutan masa untuk mengemukakan maklum balas tersebut kepada LHDNM. Pertimbangan permohonan adalah berdasarkan kepada merit setiap kes.</p> <p>2. Kes siasatan:</p>

		<p>(a) Bayaran ansuran kes siasatan adalah mengikut perjanjian atau surat aku janji pembayar cukai. Pembayar cukai yang terjejas boleh membuat permohonan penjadualan semula dan akan diberikan pertimbangan berdasarkan merit kes.</p> <p>(b) LHDNM akan membangkitkan taksiran berdasarkan perjanjian / penemuan dari aktiviti siasatan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh PKP, untuk meringankan beban kewangan pembayar cukai, permohonan penangguhan bayaran penalti dan bayaran secara ansuran akan diberikan pertimbangan berdasarkan merit kes.</p>
15.	Lanjutan masa bayaran potongan cukai berjadual (PCB) di mana tarikh akhir bayaran adalah pada 15 Jun 2021.	Tiada lanjutan masa yang diberikan. Bayaran boleh dilakukan secara dalam talian melalui aplikasi ePCB, e-Data PCB dan e-CP39.